

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL AZIZ [ RAUB ]**

**TARIKH JAWAPAN : 26 MAC 2015 (KHAMIS)**  
**DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN :**

**Dato' Mohd Ariff Sabri Bin Abdul Aziz minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan:-**

- (a) berapa peratusan penjanaan elektrik oleh TNB yang menggunakan bahan bakar minyak; dan
- (b) berapa peratusan penjanaan minyak TNB yang menggunakan arang batu.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Sehingga akhir tahun 2014, kapasiti penjanaan terpasang di Semenanjung adalah sebanyak 20,944 MegaWatt (MW), di mana sebanyak 51% (10,698MW) adalah dimiliki oleh pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) manakala 49% (10,246MW) dimiliki oleh penjana-penjana bebas atau *Independent Power Plant (IPP)*, dengan izin.
2. Perincian kapasiti terpasang di Semenanjung mengikut bahan api dan pemilik loji adalah seperti berikut:

**Jadual 1: Kapasiti Terpasang di Semenanjung Mengikut Bahan Api dan Pemilik Loji**

Jenis Bahan Api	Penjanaan oleh TNB		Penjanaan oleh IPP		Jumlah Kapasiti Terpasang (MW)	%
	MW	%	MW	%		
Gas	3,146.47	15	3,554.73	17	6,701.20	32
Arang Batu	5,244.12	25	6,691.27	32	11,935.39	57
Minyak	419.53	2	-	-	419.53	2
Hidro	1,887.88	9	-	-	1,887.88	9
Jumlah	10,698	51%	10,246	49%	20,944	100

\*\*\*\*\*